

## Kerjaya Prospek sasar kontrak RM2 bilion, tumpu projek kilang dan pusat data



Kerjaya Prospek Group Bhd

KUALA LUMPUR: Kerjaya Prospek Group Bhd memperoleh kontrak bernilai RM703.6 juta bagi tahun kewangan 2026 setakat ini sebagai sebahagian daripada sasaran perolehan kontrak baharu berjumlah RM2 bilion bagi tahun kewangan 2026.

KUALA LUMPUR: Kerjaya Prospek Group Bhd memperoleh kontrak bernilai RM703.6 juta bagi tahun kewangan 2026 setakat ini sebagai sebahagian daripada sasaran perolehan kontrak baharu berjumlah RM2 bilion bagi tahun kewangan 2026.

Kerjaya Prospek turut mempunyai buku tender semasa dianggarkan antara RM2 bilion hingga RM3 bilion dengan tumpuan kepada projek bermargin tinggi termasuk pembinaan kilang dan pusat data.

Setakat 26 Februari 2026, Kerjaya Prospek mempunyai buku pesanan tertunggak berjumlah RM4.4 bilion, sekali gus menyediakan keterlihatan pendapatan yang kukuh bagi tempoh beberapa tahun akan datang.

Daripada jumlah itu, kira-kira 85 peratus atau RM3.8 bilion terdiri daripada projek pihak berkaitan.

Sepanjang tahun kewangan 2025, kumpulan meraih kontrak baharu bernilai RM1.8 bilion, melepasi sasaran awal RM1.6 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutifnya, Tee Eng Tiong, berkata pencapaian tahun kewangan 2025 mencerminkan daya tahan segmen teras serta kecekapan pelaksanaan projek.

"Kami mengekalkan sasaran penambahan buku pesanan RM2 bilion bagi tahun kewangan 2026. Fokus kami adalah memperkukuh keterlihatan pendapatan dan membuka nilai daripada projek pembangunan semasa dan akan datang, di samping mengekalkanimbangan berhemat antara pertumbuhan dan pulangan kepada pemegang saham," katanya pada taklimat media di Kuala Lumpur, hari ini.

Dengan simpanan tanah seluas 89 ekar serta pengembangan strategik di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur, kumpulan berada pada landasan kukuh untuk mengekalkan momentum pertumbuhan dalam persekitaran industri pembinaan yang semakin kompetitif.

Kerjaya Prospek mencatat hasil tertinggi dalam sejarah syarikat sebanyak RM2.25 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, meningkat 22.5 peratus berbanding RM1.84 bilion pada tahun sebelumnya.

Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) melonjak 40.3 peratus kepada RM224.7 juta, manakala pendapatan sesaham meningkat kepada 17.9 sen daripada 12.7 sen pada tahun kewangan 2024, mencerminkan pertumbuhan keuntungan yang lebih kukuh seiring peningkatan aktiviti pembinaan dan sumbangan hartanah.

Bagi suku keempat tahun kewangan 2025, kumpulan merekodkan hasil RM671.7 juta, naik 12.3 peratus tahun ke tahun, dengan PATAMI meningkat 53.4 peratus kepada RM66.7 juta. Margin keuntungan bersih bagi suku berkenaan berada pada 9.9 peratus.

Segmen pembinaan kekal menjadi tonggak utama apabila menyumbang RM1.93 bilion atau 85.6 peratus daripada keseluruhan hasil tahun kewangan 2025.

Segmen pembangunan hartanah pula mencatat pertumbuhan ketara dengan hasil melonjak 3.4 kali ganda kepada RM320.8 juta berbanding RM95.6 juta sebelumnya, disokong kemajuan projek dan pengiktirafan jualan yang lebih tinggi.

Antara penyumbang utama ialah projek The Vue @ Montez yang mempunyai nilai pembangunan kasar (GDV) RM300 juta dengan kadar ambil sekitar 99 peratus, serta Papyrus @ North Kiara (GDV RM500 juta) dengan kadar ambil kira-kira 84 peratus setakat Disember 2025.

Dari segi kedudukan kewangan, kumpulan mengekalkan tunai bersih RM358.7 juta setakat akhir Disember 2025 berbanding RM272.5 juta pada tahun sebelumnya.

Jumlah pinjaman kekal rendah pada RM18.3 juta, manakala nisbah semasa bertambah baik kepada 2.0 kali dan pulangan atas ekuiti (ROE) meningkat kepada 18.7 peratus berbanding 14.1 peratus pada tahun kewangan 2024.

Sementara itu, Kerjaya Prospek mengisytiharkan dividen interim keempat satu peringkat sebanyak 3.5 sen sesaham, menjadikan jumlah dividen bagi tahun kewangan 2025 sebanyak 12.5 sen sesaham atau RM157.2 juta, bersamaan 70 peratus daripada PATAMI.

Berdasarkan harga penutup RM2.59 pada 25 Februari 2026, ia memberikan hasil dividen sekitar 4.8 peratus.